

10/11/1999

Skim gaji baru dalam pertimbangan

Mohd Feroz Abu Bakar

KAKITANGAN akademik Universiti Teknologi Mara dijangka menerima tangga gaji yang jauh lebih baik, berdasarkan struktur skim baru yang dicadangkan berbanding skim lama atau skim sedia ada di universiti awam yang lain.

Struktur gaji baru yang masih dalam pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) itu adalah imbuhan yang selaras dengan kelayakan serta kualiti akademik tenaga pengajar universiti ini yang juga setanding dengan institusi pendidikan tinggi lain.

Rektornya, Prof Datuk Dr Ahmad Zaidee Laidin, berkata cadangan perubahan struktur gaji berkenaan sudah dikemukakan kepada JPA sebelum ia dinaikkan taraf kepada universiti dan ia masih dalam pertimbangan.

"Struktur gaji baru ini adalah perkara yang berasingan daripada kenaikan taraf kepada universiti seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Rakan Rekreasi Eksplorasi Muhibah Payar-Jerai Universiti Teknologi Mara 1999 di Shah Alam, Selangor, semalam.

Hadir sama ialah Pengarah Program Rakan Muda (Sektor Institusi Pengajian Tinggi), Wasitah Mohd Yusof, Ketua Unit Sukan, Mustaza Ahmad dan Presiden Kelab Rekreasi Universiti Teknologi Mara yang juga Pengarah program, Wan Rashid Wan Sulaiman.

Program yang akan bermula esok itu disertai 40 pelajar universiti berkenaan, iaitu membabitkan acara berkayak dan mendaki di Kedah.

Berhubung matlamat kerajaan untuk mencapai sasaran 60 peratus pelajar pengajian tinggi menceburi bidang sains, beliau berkata pihaknya akan terus menggalakkan pelajarinya mengikuti program dalam bidang sains dan teknologi.

Bagaimanapun, takrif bidang sains bagi institusi berkenaan bukan hanya bermaksud sains tulen tetapi juga meliputi bidang sains bersekutu yang membabitkan disiplin sains dalam sebahagian besar kursus pengajian.

Menurut beliau, fungsi utama universiti awam ialah mengeluarkan sumber tenaga manusia yang mencukupi dan relevan dengan keperluan semasa serta masa depan bagi membantu proses pembangunan negara.

Katanya, negara ini memerlukan lebih ramai tenaga manusia dalam bidang sains bersekutu seperti pengimejan, kejururawatan dan fisioterapi tetapi pelajar lebih gemar mengambil bidang popular seperti sains tulen (pengkhususan kimia atau biologi) yang mungkin terhad bilangan pekerjaan pada masa depan.

"Justeru, universiti ini akan mempopularkan program yang tidak diketahui ramai tetapi amat relevan dengan keperluan negara seperti Diploma Kesihatan Bersekutu yang ditawarkan oleh Fakulti Sains Gunaan.

"Pengambilan lebih ramai pelajar dalam bidang ini diharapkan membantu mencapai nisbah 60:40 enrolmen dalam bidang sains dan teknolog berbanding sains kemanusiaan.

"Selain itu, universiti ini akan menambah bilangan pelajar dalam bidang kejuruteraan melalui penambahan tempat pembelajaran sama ada di kampus induk atau kampus negeri," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Zaidee berkata, universiti berkenaan akan mempunyai logo baru, cancellor dan naib cancellor dalam majlis yang akan disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak hari ini.

Dr Zaidee enggan menamakan tokoh yang bakal dilantik sebagai cancellor dan naibnya tetapi beliau dijangka dilantik sebagai Naib Cancellor

Universiti Teknologi Mara yang pertama.

Selepas dinaikkan taraf sebagai universiti, katanya, Universiti Teknologi Mara akan terus mengekalkan dasar penawaran 70 peratus program di peringkat diploma, pengekalan yuran pengajian dan kemasukan pelajar hanya untuk Bumiputera.

Dalam ucapan perasmianya, Dr Zaidee berkata, program pengembaraan seperti itu sangat berguna kepada pelajar bukan sahaja untuk menguji ketahanan mental dan fizikal tetapi juga mengenal secara mendalam hati budi teman sepasukan yang mengikuti program ini.

"Kegiatan begini bukan sahaja dapat mengisi masa dengan aktiviti bermanfaat tetapi membantu kita memantapkan diri dan menjadikan kita pelajar serba boleh," katanya.

(END)